**HMT211/4 – FONETIK BAHASA MELAYU**

**SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

**SEMESTER 1**

**TUGASAN INDIVIDU**

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

EMAIL: nurulfikrah091@gmail.com

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

**DISEDIAKAN UNTUK:** PUAN NORHANIZA BINTI ABDUL KHAIRI

**TARIKH:** 11 JANUARI 2021

**Jawab semua soalan**

**1. Membunyikan, melakar rajah sagital cara penghasilan bunyi, mentranskripsi teks.**

**<u>Arahan</u>**

**Setiap pelajar memilih satu teks (artikel/ cerpen/ novel/ bahan bercetak) 500 patah perkataan. Teks ini mestilah menggunakan bahan dalam talian dan dicatatkan sumbernya.**

| SEBIDANG TILAM- A Rahman CM (2010/05/15) |
|---|
| Agak sejurus masuk Cikgu Zaini. Dia beri salam. Semua menjawab salam. Dia memandang pada Tina. Dia kenal. Cikgu Zaini lalu ke sisi Tina. Dia hulurkan tangannya ke hadapan Tina. Mereka bersalam. Tina memandang Cikgu Zaini. Lama wajahnya pada Cikgu Zaini. Ya Alahhhh! Malu aku. Tina kenal Cikgu Zaini, anak saudara Datin Rugayah jirannya. Tangan mereka berpisah. Cikgu Zaini kemudian ke sisi Ustazah Ramlah.<br><br>“Ini Cikgu Zaini, macam mana Abdul?” Tanya Pengetua.<br><br>Abdul mendongak. Ada air mata pada kelopak matanya.<br><br>“Bolek kamu minta maaf?” Tanya Pengetua lagi.<br><br>Abdul kaku. Wajahnya kering tetapi air matanya kemudian laju mengalir. Lambat-lambat dia tegak. |

"Tak apalah Cikgu. Saya dah maafkan dia. Cuma saya nak tanya dia," kata Cikgu Zaini.

Rahim dengan Tina seperti hilang akal. Rahim memandang bergilir-gilir guru di hadapannya termasuk Pengetua.

Abdul memandang wajah Cikgu Zaini.

"Kamu dah taubat?" Tanya Cikgu Zaini.

"Yaaa! Cikgu," desis Abdul.

"Baguslah. Boleh kamu terus terang dengan cikgu," kata Cikgu Zaini lagi.

Abdul menanti.

"Kamu sembahyang tak?"

Abdul menggelengkan kepalanya.

"Taubat apa kalau tak sembahyang," sampuk Ustazah Ramlah.

Rahim tunduk balik. Tina merasakan mukanya disimbah najis lagi.

"Tak apalah. Itu soal peribadi Abdul," kata Pengetua. "Hal dia dengan Cikgu Zaini dah selesai. Sekarang hal dia dengan sekolah. Boleh kamu hantar balik tilam asrama?" Tanya Pengetua.

Abdul mengangguk.

“Selesai Encik Rahim, nanti apabila Abdul hantar balik tilam asrama seperti asalnya, sijil ini saya akan koyak dan ganti yang baru dengan memasukkan ‘Baik’ pada ruangan kelakuannya,” kata Pengetua. Matanya berseri pada wajah Rahim.

“Malu aku. Maluuuuu!” kata Rahim berkali-kali semasa memandu pulang.
Tina menepuk-nepuk badan Rahim.

Sampai di rumah, sebaik sahaja keluar dari kereta, Rahim menendang badan Abdul hingga Abdul mencium tanah.

“Dah terlambat abang nak ajar dia,” kata Tina. “Sepatutnya masa dia kena rotan di hadapan murid-murid dalam perhimpunan sekolah dulu kerana merokok, abang tampar dia. Abang lupa apa yang abang buat? “ Sambung Tina.
Mata Rahim bulat pada wajah isterinya.

“Abang jumpa Cikgu Samad di kedai kopi, abang marahkan cikgu tu.”

Rahim memandang sayu pada wajah Tina.

“Cikgu tu jawab selamba. Saya ingat jawab Cikgu Samad, anak encik nak merokok satu dos pun saya peduli apa, tetapi jangan merokok di sekolah. Malah kalau anak encik hisap dadah pun saya tidak peduli, tetapi jangan di sekolah. Abang lupa? Abang marah dan hendak menerkam Cikgu tu, mujur ada orang ramai,” kata Tina.

Rahim terduduk.

“Satu lagi abang lupa. Abang izinkan Bedul bawa kereta dulu, konon nak ambil tilam di rumah kawan. Bedul tak ada lesen memandu. Mujur tak ditahan oleh polis. Kalau tak dengan abang sekali ke lokap polis,” kata Tina lagi.

Giliran Rahim jadi batu.

“Abang tahu tak, langkah abang itu mendidik anak melanggar undang-undang negara. Masa itu saya tertanya-tanya, abang nak jadikan apa Bedul ini. Tapi tak berani saya bersuara,” kata Tina lagi.

Mereka ke kamar Abdul. Tina melihat Abdul menepuk-nepuk tilam asrama itu. Tina terharu.

“Tilam itu dah koyak Bedul. Kita gantikan yang baru,” kata Tina.

Dan esoknya, pagi-pagi Rahim dengan Abdul ke sekolah membawa tilam baru.

(Sumber: Koleksi Cerpen Laman Bahasa; https://lamanbahasa.com/cerpen/)

**a)** Pilih **SATU perkataan** (perkataan yang m**empunyai tidak lebih daripada LIMA (5) fonem yang berbeza**) yang mempunyai kekerapan paling tinggi digunakan dalam teks tersebut. Untuk mencari kekerapan perkataan dalam teks anda, gunakan perisian yang sesuai. **Tunjukkan cara anda mencari kekerapan perkataan dengan memasukkan lampiran yang sesuai.**

Perkataan yang mempunyai kekerapan paling tinggi berdasarkan aplikasi *Antconc* yang digunakan dalam teks ialah perkataan cikgu. Perkataan cikgu juga mempunyai 5 fonem yang berbeza iaitu fonem / c /, / i /, / k /, / g /, / u /.

**1. Memilih berdasarkan sumber internet. (Sumber: Koleksi Cerpen Laman Bahasa; https://lamanbahasa.com/cerpen/)**



2. **Teks yang telah disalin ditampalkan pada Microsoft Word bertujuan untuk mengira jumlah perkataan di dalam teks yang telah disalin tadi.**




3. **Setelah membuat pemilihan teks sebanyak 500 patah perkataan berdasarkan cerpen tersebut di dalam Microsoft Word, teks tersebut akan disalin sekali lagi dan akan ditampal di dalam Notepad.**



4. **Buka Antcont > Open Files(s) > Masukkan file Notepad tadi**




5. **Tekan butang *Word List***



6. **Tekan *Start***




7. **Kekerapan tertinggi yang dianalisis ialah perkataan Cikgu**

KEPUTUSAN KEKERAPAN PERKATAAN ANTCONC - Notepad

File Edit Format View Help

```
#Word Types: 228
#Word Tokens: 498
#Search Hits: 0
1       20      cikgu
2       17      tina
3       15      abdul
4       14      abang
5       13      rahim
```



**[10 markah]**

b) Bunyikan perkataan dalam (a) sebanyak lima kali dan rakam bunyi pertuturan anda - kompilasikan bunyi pertuturan dalam satu fail.

- Cikgu ⟶ ceʔgu

**[10 markah]**

c) **Lakarkan rajah sagital penghasilan setiap bunyi** yang ada dalam **perkataan yang dikenalpasti dalam (b)**. Bunyi yang sama hanya lakarkan sekali sahaja.

Contoh: /cikgu/ [ceʔgu]. Lakarkan rajah sagital untuk setiap penghasilan bunyi

[č], [e], [ʔ], [g], [u].

**[č] Pengartikulasian Konsonan Afrikat Palatal-Alveolar Tak Bersuara**



**[e] Pengartikulasian Vokal depan separuh sempit**



**[ʔ] Pengartikulasian Konsonan Plosif Glotis**



**[g] Perngartikulasian konsonan Plosif Velar Bersuara**



**[u] Pengartikulasian Vokal Belakang Sempit**



**[20 markah]**

d) Berikan **huraian cara penghasilan setiap bunyi dalam** (b).

Perkataan; [č], [e], [ʔ], [g], [u].

**1. [č]: Konsonan Letusan Tidak Bersuara**

[č] ialah bunyi letusan tidak bersuara. Letusan ialah bunyi letusan atau afrikat dihasilkan dengan depan Lidah yang ditemukan dengan lelangit keras. Lelangit lembut pula dinaikkan rapat ke dinding belakang rongga tekak. Arus udara yang keluar dari paru-paru akan melalui rongga mulut dan tersekat di belakang pertemuan depan lidah dan gusi.  Oleh itu, untuk letusan bunyi yang tidak bersuara [č] pita suara tidak digetarkan. Berdasarkan struktur dalam bahasa melayu konsonan ini hadir pada awal dan tengah perkataan sahaja. Kehadiranya pada akhir perkataan, hanya pada perkataan-perkataan pinjaman.

**2. [e]: Vokal Depan Separuh Sempit**

[e] ialah bunyi Vokal Depan Separuh Sempit. Untuk menghasilkan bunyi vokal ini, bibir perlulah dihamparkan. Pembukaan rahang pula dalam keadaan separuh sempit. Depan Lidah perlu dinaikkan separuh tinggi kea rah alveolar. Kemudian, velum dan uvula dinaikkan dan menutup rongga hidung supaya supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung. Pita suara dirapatkan supaya udara dari paru-parukeluar dengan menggetarkan pita suara.

**3. [ʔ]: Plosif Glotis**

[ʔ] merupakan Plosif Glotis. Untuk mengartikulasik, pita suara dirapatkan serapat-rapatnya. Velum dan uvular dinaikkan dan dirapatkan kepada dinding farinks untuk membuat sekatan supaya udara tidak dapat keluar melaluui rongga hidung. Udara yang keluar dari paru-paru pula akan tersekat dan terhenti pada bahagian glotis dan tidak dilepaskan. Oleh itu, bunyi yang dihasilkan ialah Konsonan Plosif Glotis [ʔ].

**4. [g]: Konsonan Letupan Lelangit Lembut Bersuara/ Plosif Velar Bersuara**

[g] ialah konsonan letupan lelangit lembut bersuara. Cara membunyikan konsonan [g] sama seperti membunyikan konsonan [k]. perbezaannya pada pita suara iaitu ita suara dirapatkan. Arus udara dari paru-paru yang keluar melalui rongga mulut mengetarkan pita suara. Bunyi yang dihasilkan ialah letupan lelangit lembut bersuara [g]. Antara contoh perkataan bagi letupan lelangit lembut bersuara [g] ialah garam, pagar dan dialog

**5. [u]: Vokal Belang Sempit**

[u] merupakan vokal belakang sempit. Cara membunyikan vokal ini ialah keadaan bibir hampar. Belakang Lidah pula dinaikkan setinggi yang mungkin ke arah lelangit lembut tetapi tidak sampai menyentuh lelangit lembut. Kemudian, anak tekak dan lelangit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru ke luar ke rongga mulut dan pita suara digetarkan. Bunyi vokal belakang sempit [u] boleh hadir di awal perkataan, tengah perkataan dan juga akhir perkataaan. Antara contoh perkataan yang dihadiri vokal ini ialah ubat, bulat dan batu.

[25 markah]

e) Transkripsikan keseluruhan teks (a) menggunakan transkripsi sempit.

1. Agak sejurus masuk Cikgu Zaini. Dia beri salam. Semua menjawab salam. Dia memandang pada Tina. Dia kenal. Cikgu Zaini lalu ke sisi Tina. Dia hulurkan tangannya ke hadapan Tina. Mereka bersalam. Tina memandang Cikgu Zaini. Lama wajahnya pada Cikgu Zaini. Ya Allahhhh! Malu aku. Tina kenal Cikgu Zaini, anak saudara Datin Rugayah jirannya. Tangan mereka berpisah. Cikgu Zaini kemudian ke sisi Ustazah Ramlah.

   [agaʔ sedʒurus masoʔ čeʔgu zainĩ. diyə bəri salam. semũwə mə̃ndʒawab salam. diyə mə̃mãndaŋ padə tinã. diyə kenãl. čeʔgu zainĩ lalu kə sisi tinã. diyə hulokan taŋãn kə hadapan tinã. mə̃rekə bəsalam. tinã mə̃mãndãŋ čeʔgu zainĩ. lamə̃ wadʒahɲə̃ padə čeʔgu zainĩ. Ya Allahhhh!! mãlu aku. tinã kənal čeʔgu zainĩ, anãʔ saudarə daten rugayah dʒiranɲə̃. taŋãn mə̃rekə bərpisah. čeʔgu zaini kəmũdiyan kə sisi ustazah ramlah.]

2. “Ini Cikgu Zaini, macam mana Abdul?” Tanya Pengetua.

   [“inĩ čeʔgu zainĩ, mãcam mãnə̃ abdul?” taɲə̃ pəŋə̃tuə]

3. Abdul mendongak. Ada air mata pada kelopak matanya.

   [abdul mə̃ndoŋãʔ. adə ʔae mãtə padə kəlopaʔ mãtəɲə̃]

4. “Boleh kamu minta maaf?” Tanya Pengetua lagi.

   [“boleh kamũ mĩntaʔ mãʔaf?” taɲə̃ pəŋə̃tuə lagi]

5. Abdul kaku. Wajahnya kering tetapi air matanya kemudian laju mengalir. Lambat-lambat dia tegak.

   [abdul kaku. waʤahɲə̃ kəriŋ tətapi ʔae mãtəɲə̃ kemũdiyan laʤu meŋãler. lambat-lambat diyə təgaʔ.]

6. “Tak apalah Cikgu. Saya dah maafkan dia. Cuma saya nak tanya dia,” kata Cikgu Zaini.

   [“taʔ  apəlah čeʔgu. sajə dah mãʔafkan diyə. sajə nãʔ taɲə̃ diyə,” katə čeʔgu zainĩ]

7. Rahim dengan Tina seperti hilang akal. Rahim memandang bergilir-gilir guru di hadapannya termasuk Pengetua.

   [rahim dəŋãn tinã səpərti hilaŋ akal. rahim mə̃mãndãŋ bərgiler-giler guru di hadapanɲə̃ tərmãsoʔ pəŋə̃tuə]

8. Abdul memandang wajah Cikgu Zaini.

   [abdul mə̃mãndãŋ waʤah čeʔgu zainĩ]

9. “Kamu dah taubat?” Tanya Cikgu Zaini.

   [“kamũ dah tawbat?” taɲə̃ čeʔgu zainĩ]

10. “Yaaa! Cikgu,” desis Abdul.

    [“yəəə! čeʔgu,” dəsis abdul]

11. “Baguslah. Boleh kamu terus terang dengan cikgu,” kata Cikgu Zaini lagi.

    [“bagoslah. boleh kamũ trus traŋ dəŋãn čeʔgu,” katə čeʔgu zainĩ lagi.]

12. Abdul menanti.

    [abdul mə̃nãnti]

13. “Kamu sembahyang tak?”

    [“kamũ səmbahyãŋ taʔ”]

14. Abdul menggelengkan kepalanya.

    [abdul mə̃ŋgeleŋkan kəpaləɲə̃]

15. “Taubat apa kalau tak sembahyang,” sampuk Ustazah Ramlah.

    [“tawbat apə kalaw taʔ səmbahyaŋ,” sampoʔ ustazah ramlah.]

16. Rahim tunduk balik. Tina merasakan mukanya disimbah najis lagi.

    [rahim tundoʔ baleʔ. tinã mə̃rasəkan mũkəɲə̃ disimbah nadʒis lagi.]

17. “Tak apalah. Itu soal peribadi Abdul,” kata Pengetua. “Hal dia dengan Cikgu Zaini dah selesai. Sekarang hal dia dengan sekolah. Boleh kamu hantar balik tilam asrama?” Tanya Pengetua.

    [“taʔ apəlah. itu soʔal pribadi abdul,” katə pəŋə̃tuə. “hal diyə dəŋãn čeʔgu zainĩ dah sələsay. səkaraŋ hal diyə dəŋãn səkolah. boleh kamũ hanta balek tilam asramã?” taɲə̃ pəŋə̃tuə.]

18. Abdul menangguk.

    [abdul mə̃ŋãŋgoʔ.]

19. “Selesai Encik Rahim, nanti apabila Abdul hantar balik tilam asrama seperti asalnya, sijil ini saya akan koyak dan ganti yang baru dengan memasukkan ‘Baik’ pada ruangan kelakuannya,” kata Pengetua. Matanya berseri pada wajah Rahim.

[“sələsayənček rahim, nãnti apəbilə abdul hanta balek tilam asramã səpərti asalɲə̃, sidʒel inĩ sajə akan kojaʔ dan ganti jaŋ baru dəŋãn mə̃mãsoʔkan ‘baek’ padə ruaŋãn kəlakuanɲə̃, ” katə pəŋə̃tuə. mãtəɲə̃ bərsəri padə wadʒah rahim.]

20. “Malu aku. Maluuuuu!” kata Rahim berkali-kali semasa memandu pulang. Tina menepuk-nepuk badan Rahim.

[“mãlu aku. mãluuuuu!” katə rahim bəkali-kali səmãsə mə̃mãndu pulaŋ. tinã mə̃nə̃poʔ-nə̃poʔ badan Rahim.]

21. Sampai di rumah, sebaik sahaja keluar dari kereta, Rahim menendang badan Abdul hingga Abdul mencium tanah.

[sampai di rumãh, səbaek sahadʒə kəluwa dari kəretə, rahim mə̃nə̃ndaŋ badan abdul hiŋgə abdul mə̃nčium tanãh.]

22. “Dah terlambat abang nak ajar dia,” kata Tina. “Sepatutnya masa dia kena rotan di hadapan murid-murid dalam perhimpunan sekolah dulu kerana merokok, abang tampar dia. Abang lupa apa yang abang buat? “ Sambung Tina. Mata Rahim bulat pada wajah isterinya.

[“dah təlambat abaŋ nãʔ aʤa diyə, katə tinã. “səpatotɲə̃ masə diyə kənə̃ rotan di hadapan mũred-mũred dalam pərhimpunãn səkolah dulu kəranə̃ mə̃rokoʔ, abaŋ tampa diyə. abaŋ lupə apə jaŋ abaŋ buwat?” samboŋ tinã. mãtə rahim bulat padə waʤah istəriɲə̃.]

23. “Abang jumpa Cikgu Samad di kedai kopi, abang marahkan cikgu tu.”

[“abaŋ  ʤumpə čeʔgu samãd di kədai kopi, abaŋ mãrahkan čeʔgu tu.”]

24. Rahim memandang sayu pada wajah Tina.

[rahim mə̃mãndaŋ saju padə  waʤah tinã]

25. “Cikgu tu jawab selamba. Saya ingat jawab Cikgu Samad, anak encik nak merokok satu dos pun saya peduli apa, tetapi jangan merokok di sekolah. Malah kalau anak encik hisap dadah pun saya tidak peduli, tetapi jangan di sekolah. Abang lupa? Abang marah dan hendak menerkam Cikgu tu, mujur ada orang ramai,” kata Tina.

[“čeʔgu tu ʤawab səlambə. sajə iŋãt ʤawab čeʔgu samãd, anãʔ ənček nãʔ mə̃r̃okoʔ satu dos pon sajə pəduli apə, tətapi ʤaŋãn mə̃r̃okoʔ di səkolah. mãlah kalaw anãʔ ənček hisap dadah pon sajə tidaʔ pəduli, tətapi jaŋãn di səkolah. abaŋ lupə? abaŋ mãrah dan həndaʔ mə̃nə̃r̃kam čeʔgu tu, mũjo adə oraŋ ramãi,” katə tinã.]

26. Rahim terduduk.

[rahim tərdudoʔ]

27. “Satu lagi abang lupa. Abang izinkan Bedul bawa kereta dulu, konon nak ambil tilam di rumah kawan. Bedul tak ada lesen memandu. Mujur tak ditahan oleh polis. Kalau tak dengan abang sekali ke lokap polis,” kata Tina lagi.

[“satu lagi abaŋ lupə. abaŋ izenkan bədol bawaʔ kəretə dulu, konon nãʔ ambeʔ tilam di rumãh kawan. bedol taʔ adə lesen mə̃mãndu. mũjo taʔ ditahan oleh poles. Kalaw taʔ deŋãn abaŋ səkali kə lokap poles,” katə tinã lagi.]

28. Giliran Rahim jadi batu.

    [gileran rahim ʤadi batu.]

29. “Abang tahu tak, langkah abang itu mendidik anak melanggar undang-undang negara. Masa itu saya tertanya-tanya, abang nak jadikan apa Bedul ini. Tapi tak berani saya bersuara,” kata Tina lagi.

    [“abaŋ tahu taʔ, laŋkah abaŋ itu mə̃ndideʔ anãʔ mə̃laŋga undaŋ-undaŋ nə̃garə. mãsə itu sajə tərtaɲə̃-taɲə̃, abaŋ nãʔ ʤadikan apə bədol inĩ. tapi taʔ bəranĩ sajə bərsuwarə,” katə tinã lagi]

30. Mereka ke kamar Abdul. Tina melihat Abdul menepuk-nepuk tilam asrama itu. Tina terharu.

    [mə̃rekə kə kamãr abdul. tinã mə̃lihat abdul mə̃nə̃poʔ-nə̃poʔ tilam asramã itu. Tinã tərharu]

31. “Tilam itu dah koyak Bedul. Kita gantikan yang baru,” kata Tina.

    [“tilam itu dah kojaʔ bədol. kitə gantikan jaŋ baru,” katə tinã.]

32. Dan esoknya, pagi-pagi Rahim dengan Abdul ke sekolah membawa tilam baru.

[dan esokɲə̃, pagi-pagi rahim deŋãn abdul kə səkolah mə̃mbawə tilam baru.]

[35 markah]